

AAB

Mahathir - EAEG

I

JAKARTA, 2 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, cadangan Malaysia mengenai penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) kini menjadi cadangan sebulat suara Asean kerana semua negara anggota pertubuhan itu menyokong konsep tersebut.

+Indonesia mengesahkan sokongannya terhadap cadangan itu semasa rundingannya dengan Presiden Suharto selama 90 minit semalam,+ katanya pada persidangan akhbar sebelum berlepas ke Pulau Bali untuk menghadiri persidangan ekonomi antarabangsa dengan pemimpin Asean yang lain.

Cadangan penubuhan kumpulan ekonomi itu dibuat oleh Perdana Menteri Disember lepas dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada negara-negara anggota Asean lain selepas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz melawat negara-negara berkenaan bagi menerangkan lebih lanjut mengenai cadangan itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, para pegawai kanan ekonomi Asean akan bertemu di Bandung pada pertengahan bulan ini untuk membincangkan butiran lanjut mengenai EAEG dan akan diikuti dengan mesyuarat lain di Kuala Lumpur selepas itu.

Katanya, idea bagi penubuhan kumpulan ekonomi serantau itu ialah untuk mendapatkan suara yang sama di kalangan negara anggota Asean ketika berurusan dengan perkumpulan ekonomi dunia yang lain seperti Kesatuan Eropah (EC) dan Kesatuan Ekonomi Amerika-Kanada.

Katanya, EAEG juga dijangka menganjurkan forum bagi anggotanya berhubung penjualan barangan dan komoditi mereka kepada negara-negara pembeli di dunia. -- Lagi.

♥02/03/17-35MST

AAB

Mahathir - EAEG 2 Jakarta

Perdana Menteri berkata, bagaimanapun, kumpulan ekonomi itu bukan bertujuan menjadi satu kumpulan yang sempit seperti EC yang menghalang anggota-anggotanya mengadakan perjanjian ekonomi dua hala dengan negara-negara di luar kesatuan itu.

EAEG ialah lebih longgar dalam strukturnya daripada EC dan membenarkan individu mengadakan rundingan dua hala dengan mana-mana negara yang difik menguntungkan kepada kepentingannya, kata beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, EAEG akan mempertahankan kepentingan bersama negara anggotanya apabila menghadapi kesusahan berurusan dengan kumpulan perlindungan.

Katanya, kegagalan Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan.(GATT) serta rundingan Pusingan Uruguay ialah antara faktor lain yang mendesak +kami untuk menubuhkan kumpulan ekonomi yang baru bersesuaian dengan kepntingan bersama kami.+

Perdana Menteri menyebut tentang kecenderungan EC dan Kesatuan Ekonomi Amerika-Kanada menghalang negara-negara luar daripada menikmati faedah-faedah ekonomi sama ada melalui perdagangan atau cara lain. -- Lag

♥02/03/17-54MST

AAB

Mahathir - EAEG 3 Jakarta

Beliau menyebut mengenai langkah di Eropah untuk memboikot balak tropika dan giat berkempen menentang penggunaan minyak kelapa sawit di Amerika.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, negara-negara yang kecil dan lemah daripada segi ekonomi menghadapi kesulitan jika mereka secara bersendir berurusan dengan negara-negara industri maju.

+Negara-negara maju boleh mengabaikan kepentingan negara yang lemah, sebagai contoh dalam dagangan, dan oleh itu adalah penting bagi negara-negara lemah mempunyai suara yang sama terhadap layanan yang tidak adil itu,+ katanya.

Perdana Menteri berkata, terdapat juga tanda bahawa negara-negara Eropah Timur akan diajak untuk menyertai EC dan terdapat usaha oleh Ame dan Kanada untuk memperluaskan kesatuan ekonomi mereka untuk memasukkan Mexico serta negara-negara Amerika Tengah dan Amerika Latin selepas 199

Sebagai jangkaan kepada tindakan yang jelas tidak baik kepada pertumbuhan ekonomi dan perdagangan Asean, +kami tidak mempunyai pilihan lain kecuali mewujudkan kumpulan serantau sendiri bagi melindungi dan menguntungkan kepentingan kita bersama.+ -- Lagi.

♥02/03/18-02MST

CNS8619

U GB 02-03 00186 BA600

BAH

Mahathir - EAEG 4 Jakarta

Beliau menyebut satu lagi kecenderungan di kalangan negara Eropah untuk menjadikan dagangan di antara negara-negara anggotanya sebagai perkara dalaman yang kemudiannya menjadi satu lagi langkah perlindungan terhadap negara-negara lain.

Perdana Menteri berkata, EAEG akan dijadikan sebuah kumpulan ekonomi perdagangan bebas dan semua negara anggota mempunyai pendirian mereka dan mengekalkan kepentingan mereka.

Katanya, tidak ada niat untuk mengadakan mesyuarat awal sebelum satu mesyuarat formal dengan negara-negara di luar Asean mengenai konsep EAEG seperti Jepun, China, Vietnam dan Korea.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau telah menyentuh isu itu semasa lawatan Perdana Menteri China, Encik Li Peng dan Timbalan Perdana Menteri Vietnam, Encik Vo Van Kiet ke Kuala Lumpur baru-baru ini yang walaupun sambutan mereka tidak begitu memberangsangkan tetapi mereka tidak menolak idea itu.

+Kami (Malaysia) juga telah cuba memerhatikan sikap Jepun terhadap EAEG dan saya berpandangan bahawa pendirian Tokyo juga tidak menentu dan mungkin tidak berminat untuk menyertai kumpulan ekonomi itu,+ katanya.

Lazimnya, Jepun sentiasa ingin memainkan peranan utama dalam hal ehwal dunia terutamanya di Asia, kata beliau. -- Lagi.

♥02/03/18-20MST

BAH

Mahathir - EAEG 5 Jakarta

Kata Perdana Menteri, Jepun, mempunyai peluang untuk memainkan peranan utama dalam kumpulan itu kerana ia merupakan satu-satunya negara di Asia yang mempunyai kedudukan dalam Kumpulan Tujuh (G-7), negara-negara perindustrian utama dunia.

Dalam hubungan ini, Jepun boleh memperluaskan peranannya dalam menyuarakan pendapat negara-negara di Asia Tenggara.

Mengenai isu-isu dua hala antara Malaysia-Indonesia, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, tidak ada masalah wujud antara kedua-dua negara itu dan kedua-dua kerajaan telah bersetuju untuk mematuhi sistem prosidur kastam antara satu sama lain bagi memperbaiki hubungan perdagangan dua hala.

Perdana Menteri berkata, kedua-dua negara telah bekerjasama rapat dalam memasarkan barangan dan komoditi masing-masing seperti perhutanan dan perlombongan terhadap negara-negara pembeli.

Semasa menjawab satu soalan, beliau berkata, Malaysia tidak membuat tuntutan ke atas Kepulauan Paracel di Laut Cina Selatan tetapi Malaysia berhak untuk mendapatkan sebahagian yang adil daripada eksploitasi bahan galian atau kekayaan laut di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia termasuk di perairan Paracel.

Perdana Menteri berlepas ke di Bali hari ini dan dijangka singgah di Pulau Batam Selasa ini. Batam kini dimajukan menurut konsep pertumbuhan segi tiga dengan Johor Baharu dan Singapura. -- Bernama.

♥02/03/18-28MST